

**NO SOALAN :64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.03.2015**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa 1MDB diberikan keistimewaan untuk kelewatan bayaran bulanan memandangkan kegagalan 1MDB membayar balik pinjaman mengakibatkan keuntungan Maybank Berhad menurun sebanyak 56 peratus.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung hutang sebanyak RM2 bilion berkenaan, 1MDB telah pun

melunaskan hutang tersebut dengan Maybank dan RHB pada 13 Februari 2015 mengikut syarat-syarat perjanjian pinjaman.

Sepertimana kenyataan Maybank pada 26 Februari 2015, keuntungan sebelum cukai bank tersebut bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 meningkat sebanyak 2.7% kepada RM9.11 bilion berbanding RM8.87 bilion pada tahun sebelumnya. Sehubungan dengan itu, tiada isu keuntungan Maybank terjejas disebabkan hutang 1MDB yang telah pun dibayar sepenuhnya mengikut tempoh yang ditetapkan.